

**LAMPIRAN 11**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 9 OGOS 2019 (JUMAAT)**

# 'Berhentilah politikkan Lynas'

**KUANTAN 8 Ogos** - Jika ingin bertanya tentang kesan kewujudan kilang Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) di Gebeng, di sini penduduk setempat adalah orang yang berhak bercakap mengenainya selain pakar-pakar dalam bidang berkaitan.

Bagi pemimpin masyarakat di sekitar kawasan perindustrian Gebeng yang melihat sendiri perkembangan kilang memproses nadir bumi itu sejak awal pembinaannya, kewujudan Lynas adalah seperti kilang-kilang lain di situ tetapi ada pihak menjadikannya sebagai modal politik yang tidak berkesudahan.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Ular Shamshul Azlin Abdul Wahid berkata, dia pelik mengapa kilang Lynas digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak kononnya tidak selamat

sedangkan penduduk setempat mendapat penerangan daripada pakar bahawa keadaan adalah sebaliknya.

"Walaupun kilang ini dipolitikkan tetapi pengurusan Lynas masih mengambil berat tentang keselamatan penduduk sekitar. Kami yakin kalau pakar-pakar yang datang berjumpa dengan penduduk menerangkan tentang Lynas dan radiasi, itu lah kepercayaan kami kepada penerangan diberikan.

"Hingga kini tiada kedengaran kisah kesihatan penduduk terjejas akibat radiasi daripada kilang itu. Jika kilang itu berbahaya, sudah pasti pekerjanya yang pertama menerima kesan," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyertai program Ceramah Perdana dan Solat Hajat anjuran Lynas di Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1, di sini malam tadi.



**SHAMSHUL AZLIN**

Sementara itu, Pengerusi MPKK Balok Mansor Mokhtar mengakui tidak berasa selesa apabila ada pihak membuat dakwaan kononnya alam sekitar di kawasan berkenaan terjejas sedangkan mereka tidak melihat kejadian tersebut berlaku.

"Kilang Lynas juga dikawal rapi dan mempunyai prosedur operasi standard (SOP) ketat, sudah tentu mereka tidak boleh mengambil tindakan sesuka hati yang boleh menjelaskan kesihatan penduduk dan mencemar alam sekitar," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan negeri Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad yang turut menyertai majlis solat hajat tersebut berkata, Lynas bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan tetapi telah memberikan khidmat bakti kepada masyarakat sekitar menerusi tanggungjawab korporat sosial dijalankan mereka seperti bantuan awal persekolahan.